

im pembiayaan pendidikan bagi generasi kedua antara yang erkenalan FELDA pada suku pertama tahun ini, kata Menteri Ekonomi, Datuk Seri Mohammed Azmin Ali. Beliau berkata, pembiayaan itu diumumkan hujung Mac dengan penekanan aspek pendidikan vokasional dan teknik (TVET).

12-01-2019

# timur

# 33

# SELESA DI KELAS

■ Murid tahun 2 hidap penyakit genetik terima kerusi khas

Harian Metro (Timur) 12/1/19 (Jabot) m/s: 33

Shahrinnah Latib  
cnews@NSTP.COM.MY

## Pekan

**M**urid Tahun Dua Sekolah Kebangsaan (SK) Indera Shahbandar, di sini berpeluang belajar lebih selesa selepas menerima kerusi GRIT Chair yang dicipta khas penyara dan penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Muhammad Amirul Fikri Mohamad Fazir, 8, menghidap penyakit genetik, Achondroplasia yang mengganggu pertumbuhan tulang dan pembesarnya tidak seperti kanak-kanak lain.

Berikut itu, anak bongsu daripada tiga beradik itu menghadapi kesukaran me nyseualkan diri di sekolah malah tidak boleh menggunakan kerusi dan meja biasa di dalam kelas.

Bapanya, Mohammad Fazir Osman, 45, berkata, dia berbesar hati apabila ada pihak membantu mencipta kerusi khas untuk anak istimewanya, sekali gus membolehkan Muhammad Amirul Fikri belajar dengan baik.

"Selepas ini dia lebih selesa untuk belajar seperti rakan lain dan saya sangat hargai sokongan serta bantuan guru yang prihatin dan mengambil berat kekurangan Muhammad Amirul Fikri."

"Sebelum ini, pihak se-



MUHAMMAD Amirul mencuba Grit Chair di dalam kelas di SK Indera Shah Bandar, semalam.



MUHAMMAD Amirul bersama guru, pensyarah dan pelajar UMP.

kolah mengubah suai meja anak supaya lebih rendah dan molek untuk dia," katanya ketika ditemui pada majlis perayerahan kerusi itu, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Program Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Dr Daing Mohamad Nafiz Daing Idris dan Guru Penolong Kanan (Pentadbiran) SK Indera Shahbandar,

Nor Yanti Mohd Radzuan.

GRIT Chair mempunyai pelaras boleh dipijak untuk kesesuaian duduk Muhammad Amirul Fikri.

Daing Mohamad Nafiz berkata, idea mencipta kerusi itu bermula selepas perbincangan dengan pihak sekolah yang mencari jalan membantu Muhammad Amirul Fikri.

"Dalam tempoh dua bulan, GRIT Chair disiapkan empat penuntut tahun dua Fakulti Kejuruteraan Mekanikal iaitu Muhammad Syakir Mohd Isa, Nur Syafiq Azman, Muhammad Isyraf Hadi Mohamad Rozulan dan Muhammad Syazwan Sahiimi," katanya.